

TERATAK TIASOM

Penulisan pertama Sesi December 2019
Hak cipta unit KAWANs


HAK CIPTA TERPELIHARA. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian buku ini, dalam apa bentuk atau dengan apa cara sekalipun, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan cara elektronik, gambar, rakaman, media dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada unit KAWANs terlebih dahulu.

Pereka susunatur : IZWAN BIN ABDUL GHAAFAR

RUMAH WARISAN TERATAK TIASOM Negeri Sembilan / Editor: NOR HASLINAWATI BINTI MOHD SAAD NIK
HASNIRA NIK PA RUSLINDA ABDULLAH SHAASVINAA A/P ANNAVI

Diterbitkan oleh:
Unit kajian Alam Warisan Negeri Sembilan (KAWANs)
Jabatan Kejuruteraan Awam
Politeknik Port Dickson
KM 14 Jalan Pantai
71050 Si Rusa
Port Dickson
Negeri Sembilan
Malaysia

Tel : +606 6622042
Fax : +606 6622026





ABSTRAK

RUMAH TERATAK TIASOM merupakan bangunan seni bina warisan yang terletak di kampung Juaseh Tengah, Juaseh, Negeri Sembilan. Tujuan pemilihan rumah tradisional melayu ini adalah untuk menjalankan kajian Projek Lukisan Terukur Politeknik Port Dickson dengan mendapatkan maklumat yang lebih terperinci tentang rumah tersebut.

Objektif projek lukisan terukur ini dijalankan adalah untuk mewujudkan keselarasan dalam pengendalian projek lukisan terukur, Diploma Seni Bina di Politeknik Port Dickson serta menjelaskan proses kerja dan tanggungjawab pelaksanaan projek.

Metodologi yang digunakan adalah kerja menganalisa sejarah awal bangunan bagi mengukuhkan lagi maklumat. Di samping itu, sesi temu bual adalah cara yang telah digunakan dalam proses pengumpulan data/ maklumat yang terperinci serta mendapatkan keterangan secara lisan daripada pewaris rumah mahupun ahli keluarga.

Antara alat-alat yang digunakan sepanjang pelaksanaan projek ini adalah pita pengukur, pembaris skala, kelengkapan alat tulis, digital kamera, tangga, komputer riba dan helaian kertas serta maklumat awal bagi bangunan yang dikaji. Segala peralatan tambahan digunakan untuk melengkapi segala proses semasa membuat kerja.


Proses mendapatkan maklumat telah melalui pelbagai melalui pelbagai metodologi, kajian sejarah dan latar belakang serta maklumat daripada komuniti setempat. Sebagai contoh, nama asal tapak kajian dan suku-suku yang terdapat pada terdapat pada kawasan kajian, sejarah rumah warisan termasuklah salah-silahkan keluarga bangunan kajian. Dari segi struktur pula, kayu seraya, penak dan resak banyak digunakan sebagai bahan utama dalam pembinaan rumah warisan.

Kajian yang dijalankan jelas menunjukkan rumah tersebut mempunyai nilai sejarah yang perlu dipelihara.

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan sepenuh kesyukuran ke hadirat ilahi atas limpah kurnianya kami dapat menyediakan buku meja kopi lukisan terukir ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada keluarga Puan Zaini binti Masin kerana memberi kebenaran serta kerjasama kepada untuk menjayakan kajian rumah warisan Teratak Tiasom.

Ucapan terima kasih juga kepada penjarah kami yang sentiasa mendorong dan memberi tunjuk ajar kepada kami serta semangat yang itu untuk melaksanakan projek akhir DCA6163 lukisan terukir. Dengan adanya projek seperti ini, sedikit sebanyak dapat membantu Negeri bagi memastikan keunikan senibina warisan terus dipelihara.



ISI KANDUNGAN



01 KUALA PILAH

Bahagian ini menerangkan tentang sejarah Kuala Pilah yang merupakan tapak lokasi kajian Rumah Warisan Teratak Tiasom.



02 SEJARAH TERATAK TIASOM

Sejarah rumah warisan yang merangkumi asal usul rumah, tahun dibina, usia serta salah satu keluarga dan juga pewaris rumah warisan ini.



03 REKA BENTUK TERATAK TIASOM

Menerangkan tentang reka bentuk tradisional yang mempunyai nilai estetika serta rekabentuk yang bercirikan rumah tradisional warisan Negeri Sembilan.



04 RUANG & FUNGSI

Bahagian ini menerangkan tentang ruang fungsi di setiap bahagian rumah yang memiliki maksud serta kegunaan yang tersendiri.

ISI KANDUNGAN



05 ELEMEN & STRUKTUR

Bahagian ini menerangkan tentang elemen yang mempunyai corak dan gaya yang unik serta struktur yang digunakan untuk mengekalkan struktur rumah



06 BUMBUNG & STRUKTUR

Bahagian ini menerangkan tentang struktur bumbung pada Rumah Warisan Teratak Tiasom yang memberi keunikan pada rumah tersebut



07 ORNAMENTASI & KERAWANG

Kerawang dan ornamenasi pada rumah warisan ini mempunyai ciri-ciri yang unik serta kehalusan seni yang mempunyai maksud yang tersirat



08 KESIMPULAN & RUMUKAN





01 KUALA PILAH

Bahagian ini menerangkan tentang sejarah
KualaPilah yang merupakan lokasi Kajian Rumah
Warisan Teratak Tiasom



SEJARAH KUALA PILAH

Kuala pilah merupakan salah satu daripada tujuh daerah yang terdapat di Negeri Sembilan, Malaysia ia adalah daerah ketiga terbesar di Negeri Sembilan selepas jempol dan jelebu, kuala pilah terletak di tengah-tengah Negeri Sembilan dikelilingi oleh daerah jelebu di utara, daerah jempol di timur, daerah kembau dan tampin di selatan serta daerah seremban di barat. Daerah ini juga disalari oleh enam batang sungai iaitu sungai muar, sungai jelai, sungai pilah, sungai menanti, sungai johol dan sungai terachi terdapat 11 mukim di dalam daerah ini dengan bilangan sebanyak 250 kampung tradisional, 7 kampung baru, 14 kampung orang Asli dan sebuah kampung rancangan Felda (felda kepis) Antara mukim -mukimnya adalah seperti teranchi, Ampang Tinggi, johol, Juasseh, kepis, langkap, parti tinggi, pilah seri menanti, ulu jempol dan ulu Muar. Dalam sejarah terawal kerajaan

melayu tidak ada catatandibuat mengenal asal usul nama kuala pilah diperoleh. Walaubagaimanapun, ada pendapat mengatakan nama kuala pilah diperoleh dari sebatang sungai, iaitu sungai pilah, perkataan 'pilah' berasal daripada perkataan 'bilah buluh'. Ini kerana terdapatnya banyak pohon-pohon buluh yang tumbuh di kawasan ini. Buluh dijadikan peralatan untuk kegunaan harian seperti raga dan sebagainya. Dalam prose menjadi raga dari buluh, buluh perlulah dibelah kecil-kecil dan diraut untuk dijadikan bilah-bilah buluh. 'Bilah' lama - kelamaanya berfukar menjadi 'pilah'.





02 SEJARAH TERATAK TIASOM

Sejarah rumah warisan yang merangkumi asal usul rumah, tahun dibina, usia serta salah silah keluarga dan juga pewaris rumah warisan ini



SALASILAH TERATAK TIASOM



Carta organisasi ini menceritakan tentang salasilah keluarga

Teratak Tiasom merupakan pemilik asal rumah warisan yang berusia lebih 98 tahun ini. Teratak Tiasom telah berkahwin dengan Masin bin Tain dan telah dikurniakan enam orang, tiga orang meninggal. Tiga orang cahaya mata iaitu Zainun, Zaini, dan Zahar.



SEJARAH TERATAK TIASOM



2.1 Gambar Puan Zaini binti Masin

Rumah warisan ini diberi nama rumah pewarisan pertama iaitu teratak tiasom .Rumah ini sudah mencecah lebih daripada 98 tahun sejak 1920an. Negeri Sembilan kebanyakan rumah masih dipengaruhi dengan gaya senibina minang kabau. Begitu juga, Rumah teratak tiasom yang masih mengekalkan ciri-ciri senibina Negeri Sembilan ..

Oleh itu, kami telah memilih rumah beliau sebagai rumah kajian kami atas aspek senibinanya yang dapat memperjelaskan bagaimana mulanya pembinaan rumah tradisional Negeri Sembilan. No 1a kampung angga lingi bisa, senalingi kuala pilah, Negeri Sembilan ..



2.2 Gambar Keluarga Puan Zaini binti Masin dan saudara mara

Pemilih rumah traditional asal ini ialah Kate. Rumah ini diwasiatkan ke atas nama katek binti mahat, suaminya Muhammad. Seterusnya,rumah ini diwasiatkan kepada Tiasom binti muhammad di lahir pada tahun 1939, suaminya masin bin tain.

Akhirnya rumah ini telah dijaga oleh Puan Zaini binti Maasin yang merupakan anak kedua kepada tiasom dan suaminya zahar Muhhamad azrin. Menurut penjaga Rumah Teratak Tiasom ini.

